

KAJIAN FAKTOR-FAKTOR KEBERKESANAN PELAKSANAAN PENGURUSAN KOKURIKULUM DARIPADA PERSEPSI GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR

Jamalullail Abdul Wahab

Universiti Kebangsaan Malaysia

Azhar A. Kadir

SMK Dato' Ahmad Razali, Ampang

ABSTRAK

Keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti pendedahan kursus dan latihan, kemudahan prasarana dan peralatan, sumber kewangan, sokongan pengetua, penglibatan pelajar dan guru. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap enam faktor tersebut yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan kokurikulum di sekolah daripada persepsi Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah-sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor. Soal selidik berskala Likert mengandungi item-item setiap kategori enam faktor tersebut digunakan bagi mengumpul data. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, di mana nilai skor min setiap item digunakan untuk menentukan tahap pengaruh setiap faktor. Hasil kajian ini mendapati bahawa empat faktor iaitu: (i) pendedahan kursus dan latihan; (ii) kemudahan prasarana dan peralatan; (iii) sumber kewangan; dan (iv) sokongan pengetua, mempunyai tahap pengaruh yang tinggi. Manakala dua faktor iaitu: (i) penglibatan pelajar; dan (ii) penglibatan guru, mempunyai tahap pengaruh yang sederhana terhadap keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum.

PENGENALAN

Kegiatan kokurikulum merupakan suatu program yang telah diwajibkan bagi setiap murid sekolah dengan tujuan untuk memenuhi matlamat pendidikan. (Kementerian Pelajaran Malaysia, Laporan Jawatankuasa Mengenai Dasar Pelajaran 1979). Pada dasarnya kegiatan kokurikulum adalah kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di dalam bilik darjah. Sejak kebelakangan ini kepentingan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sekolah semakin diberi penekanan dan pengiktirafan oleh kerajaan. Ini dibuktikan apabila komponen markah 10% penglibatan dalam aktiviti kokurikulum diambil kira sebagai keperluan untuk memasuki IPTA. Keberkesanan program kokurikulum bergantung kepada polisi dan bagaimana polisi tersebut dilaksanakan pada peringkat sekolah terutamanya daripada aspek pengurusan dan pengelolaan aktiviti kokurikulum, penjadualan yang berkesan serta kemudahan peralatan yang disediakan. Dalam hubungan ini, aktiviti kokurikulum sebagai sebahagian daripada keperluan pelaksanaan proses pendidikan yang seimbang serta menyeluruh hendaklah dikelolakan dan dikendalikan oleh guru yang berkelayakan, kemahiran dan berpengalaman. Proses pengurusan dan pengelolaan aktiviti kokurikulum melibatkan kemahiran mentadbir dan mengelola, komunikasi, membuat keputusan serta perancangan yang efektif dan strategik bagi mencapai tujuan dan matlamat yang telah dipersetujui secara konsensus. Peranan dan tanggungjawab Penolong Kanan Kokurikulum sebagai Penolong Pengurus di sekolah dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum dan pengurusan kokurikulum dengan berkesan amatlah penting. Berkaitan dengan ini, kajian untuk mencari jawapan kepada persoalan tentang bagaimana sekumpulan Penolong Kanan Kokurikulum melihat atau mengkonsepsikan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan kokurikulum di sekolah dapat membantu ke arah keberkesanan pelaksanaannya.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana tahap faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah.

Secara khususnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat persepsi Penolong Kanan Kokurikulum terhadap sejauh mana tahap:

1. Faktor kursus dan latihan mempengaruhi keberkesanan dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum.
2. Faktor kemudahan prasarana dan peralatan mempengaruhi keberkesanan dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum.
3. Faktor sumber kewangan mempengaruhi keberkesanan dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum.
4. Faktor sokongan pentadbir mempengaruhi keberkesanan dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah.
5. Faktor penglibatan pelajar mempengaruhi keberkesanan dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah.
6. Faktor penglibatan guru mempengaruhi keberkesanan dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara tinjauan menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian. Borang soal selidik mengandungi item-item bagi setiap kategori enam faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah dan berskala lima mata Likert (1-Amat tidak setuju; 2-Tidak setuju; 3-Kurang setuju; 4-Setuju; 5-Amat setuju). Kajian ini telah ditadbirkan kepada responden yang terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman dan bertanggungjawab secara langsung (dari segi perjawatan dan skop bidang tugas) dalam aspek pelaksanaan kokurikulum di sekolah menengah iaitu Penolong

Kanan Kokurikulum. Seramai 37 orang Penolong Kanan Kokurikulum dan tiga orang bekas Penolong Kanan Kokurikulum dari 37 buah sekolah menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor bertindak sebagai sampel dalam kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Perbincangan hasil kajian mengenai tahap setiap faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum adalah berdasarkan kepada Jadual Interpretasi skor min berikut.

Jadual 1
Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.99	Rendah
2.00 – 2.99	Sederhana
3.00 – 3.99	Tinggi
4.00 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Sekolah Pengajian Jarak Jauh. Kursus Pengajian Statistik. 1999. UTM, Johor Bahru.

Faktor Pendedahan Kursus dan Latihan

Jadual 2 menunjukkan skor min bagi setiap item dan secara keseluruhan bagi faktor pendedahan kursus dan latihan. Berdasarkan Jadual 2, didapati nilai min bagi faktor pendedahan kursus dan latihan dalam mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum adalah tinggi iaitu dengan nilai min skor secara keseluruhan 3.62.

Jadual 2
Skor Min Faktor Pendedahan Kursus dan Latihan

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Kursus dan latihan yang diterima dapat memenuhi keperluan dalam meningkatkan pengurusan kokurikulum di sekolah	4.10	0.59
2.	Kekerapan kursus atau latihan akan dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan kokurikulum di sekolah	4.30	0.68
3.	Kandungan dan pengisian kursus atau latihan yang diterima menepati dengan bidang tugas sebagai Penolong Kanan Kokurikulum	3.95	0.55
4.	Tempoh jangka masa kursus atau latihan yang diterima mencukupi untuk menguruskan pelaksanaan kokurikulum dengan cekap	3.35	0.77
5.	Banyak kursus dan latihan diadakan tentang pengendalian dan pengurusan aktiviti kokurikulum kepada guru-guru kokurikulu.	3.28	0.78
6.	Banyak latihan kepegawaian dan kejurulatihan perlu didedahkan kepada guru-guru sukan dan kokurikulum oleh PPD, JPN dan KPM	3.18	0.84
Skor Keseluruhan		3.62	0.39

Dapatan kajian ini menunjukkan Penolong Kanan Kokurikulum mempunyai persepsi bahawa faktor pendedahan kursus dan latihan secara keseluruhannya mempengaruhi pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah. Ini menunjukkan bahawa menghadiri kursus dan latihan akan dapat meningkatkan lagi

keberkesanan pengurusan kokurikulum. Persepsi Penolong Kanan Kokurikulum dalam aspek kekerapan menghadiri kursus dan latihan adalah sangat tinggi (min-4.30). Kebanyakan Penolong Kanan Kokurikulum yang dilantik adalah dalam kalangan guru biasa yang kurang mempunyai asas yang mantap dalam bidang pengurusan kokurikulum. Akibatnya Penolong Kanan Kokurikulum dilantik menghadapi masalah dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum kerana kekurangan peluang bagi mereka menghadiri kursus untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan kokurikulum. Dapatan ini selaras dengan kajian Mohammed Sani (1998) yang mendapati bahawa sebanyak 94.6% daripada kalangan guru siswazah tidak berpeluang untuk mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan sejak mereka mula berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS).

Penolong Kanan Kokurikulum perlu mempunyai kemahiran menggerak dan memberikan motivasi dalam membangunkan kemahiran dan komitmen guru-guru kokurikulum. Justeru mereka hendaklah melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan baru melalui program-program perkembangan profesional staf, sejajar dengan kepesatan perubahan dalam pendidikan khususnya berkaitan bidang kokurikulum (Wong Song King, 2004). Di samping itu, keperluan yang tinggi untuk meningkatkan kemahiran berdiplomasi dan menggunakan daya memujuk dalam kalangan Penolong Kanan Kokurikulum bagi membolehkan mereka berupaya meraih sokongan dan komitmen daripada guru-guru kokurikulum dalam melaksanakan sebarang aktiviti kokurikulum yang dirancang. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Mohammed Sani (1998) yang menegaskan bahawa latihan dalam perkhidmatan mampu menggalakkan perkembangan, peningkatan dan kecekapan guru.

Faktor Kemudahan Prasarana dan Peralatan

Jadual 3 menunjukkan skor min bagi setiap item dan skor min secara keseluruhan bagi faktor kemudahan prasarana dan peralatan. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor kemudahan prasarana dan peralatan dalam mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum adalah tinggi iaitu dengan

skor min secara keseluruhan 3.48. Nilai skor min bagi aspek kemudahan prasarana dan peralatan mencukupi akan dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum adalah tinggi (min = 4.22). Begitu juga aspek kemudahan prasarana dan peralatan mencukupi akan dapat meningkatkan penglibatan guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum adalah tinggi (min = 4.13). Manakala aspek sumber kewangan merupakan masalah dalam menyediakan kemudahan prasarana dan peralatan di sekolah juga mempunyai nilai skor min tinggi (min = 3.77). Walau bagaimanapun, bagi aspek kemudahan prasarana dan peralatan mencukupi untuk melaksanakan aktiviti sukan dan permainan mempunyai nilai skor min sederhana (min = 2.98). Begitu juga bagi aspek kemudahan prasarana dan peralatan tidak menjadi masalah dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mempunyai nilai skor min yang sederhana (min = 2.80).

Jadual 3
Skor Min Faktor Kemudahan Prasarana dan Peralatan

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Kemudahan prasarana dan peralatan di sekolah anda mencukupi untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum	3.08	0.66
2	Kemudahan prasarana dan peralatan di sekolah anda mencukupi untuk melaksanakan aktiviti sukan dan permainan	2.98	0.69
3.	Kekurangan kemudahan prasarana dan peralatan tidak menjadi masalah dalam melaksanakan aktiviti sukan dan kokurikulum	2.80	0.82
4.	Kemudahan prasarana dan peralatan akan dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum	4.22	0.62
5.	Kemudahan prasarana dan peralatan akan dapat meningkatkan penglibatan guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum	4.13	0.46

6.	Sumber kewangan merupakan masalah dalam menyediakan kemudahan prasarana dan peralatan di sekolah anda	3.77	0.95
7.	Kemudahan prasarana dan peralatan tidak menjadi penghalang dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah	3.15	0.98
Skor Keseluruhan		3.48	0.43

Faktor Sumber Kewangan

Jadual 4 menunjukkan nilai skor min bagi setiap item dan skor min secara keseluruhan bagi faktor sumber kewangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sumber kewangan dalam mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum adalah tinggi (nilai skor min keseluruhan = 3.42). Aspek peruntukkan kewangan dalam aktiviti kokurikulum perlu di tambah untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan kokurikulum mempunyai skor min yang tinggi (min = 4.18). Begitu juga aspek agihan peruntukkan yang besar untuk menyediakan kemudahan prasarana dan peralatan juga memberi skor min yang tinggi (min = 3.90). Di samping itu dalam aspek kekurangan sumber kewangan merupakan faktor utama dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah memberi nilai skor min yang tinggi (min = 3.68). Manakala dalam aspek kemudahan prasarana dan peralatan sekolah tidak memerlukan peruntukkan kewangan besar menghasilkan nilai skor min sederhana (min = 2.47).

Jadual 4
Skor Min Faktor Sumber Kewangan

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Kekurangan sumber kewangan merupakan faktor utama dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah	3.68	1.12
2.	Agihan perbelanjaan kewangan sekolah anda mengutamakan pelaksanaan pengurusan kokurikulum	3.20	0.76

3.	Kemudahan prasarana dan peralatan sekolah anda tidak memerlukan peruntukan kewangan besar. Ia diperolehi daripada pihak luar	2.47	0.91
4.	Sumber kewangan menjadi penghalang dalam peningkatan kualiti dan pencapaian pelajar dalam aktiviti kokurikulum	3.47	0.88
5.	Peruntukan kokurikulum sekolah anda mencukupi untuk melaksanakan pengurusan kokurikulum	3.23	0.73
6.	Peruntukan kokurikulum sekolah anda perlu di tambah untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan kokurikulum	4.18	0.68
7.	Agihan peruntukan kokurikulum yang besar untuk menyediakan kemudahan prasarana dan peralatan	3.90	0.87
8.	Sumber kewangan bukan faktor penting dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah	2.90	0.87
Skor Keseluruhan		3.42	0.32

Faktor Sokongan Pengetua

Jadual 5 menunjukkan nilai skor min bagi setiap item dan skor min secara keseluruhan bagi faktor sokongan pengetua. Hasil kajian mendapati bahawa faktor sokongan pengetua dalam mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum adalah sederhana (min secara keseluruhan = 3.27). Dalam aspek pihak pentadbir bukan menjadi penghalang dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum yang berkesan di sekolah menghasilkan nilai skor min yang paling tinggi (min = 3.72). Begitu juga dalam aspek komitmen tinggi oleh pihak pentadbir dalam pengurusan kokurikulum di sekolah (min = 3.68) dan dalam aspek pentadbir tidak pernah mengiktiraf dan menghargai sumbangan kepada Penolong Kanan Kokurikulum dan guru dalam melaksanakan

aktiviti kokurikulum juga mempunyai min skor tinggi (min= 3.05).. Manakala dalam aspek pihak pentadbir banyak memberi nasihat dan panduan dalam pengurusan kokurikulum mempunyai nilai skor min sederhana (min=3.60). Sementara dalam aspek pihak pentadbir terlalu mementingkan kecemerlangan akademik dan mengabaikan kecemerlangan kokurikulum mempunyai nilai skor min sederhana (min = 2.63).

Jadual 5
Skor Min Faktor Sokongan Pengetua

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Pihak pentadbir sekolah memberi komitmen tinggi dalam pengurusan kokurikulum di sekolah anda	3.68	0.62
2	Pihak pentadbir banyak memberi nasihat dan panduan kepada anda dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum	3.60	0.55
3.	Pihak pentadbir sekolah terlalu mementingkan kecemerlangan akademik dan mengabaikan kecemerlangan kokurikulum	2.63	0.77
4.	Pihak pentadbir tidak pernah menyelia tugas-tugas anda dalam pengurusan kokurikulum	2.95	0.64
5.	Pihak pentadbir tidak pernah mengiktiraf dan menghargai sumbangan anda dan guru-guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum	3.05	0.75
6.	Pihak pentadbir berusaha untuk menyediakan dan meningkatkan kemudahan prasarana dan peralatan di sekolah	3.55	0.68
7.	Pihak pentadbir tidak terlalu memantau penggunaan peruntukkan kokurikulum yang digunakan dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum	2.97	0.73

8. Pihak pentadbir bukan menjadi penghalang dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum yang berkesan.	3.72	0.64
Skor Keseluruhan	3.27	0.35

Faktor Penglibatan Pelajar

Jadual 6 menunjukkan nilai skor min bagi setiap item dan skor min secara keseluruhan bagi faktor penglibatan pelajar. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor penglibatan pelajar dalam mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum adalah sederhana iaitu dengan nilai skor min keseluruhan 2.98. Dalam aspek pelajar-pelajar yang komited dan berminat dalam aktiviti kokurikulum di sekolah telah menghasilkan nilai skor min paling tinggi (min = 3.77). Begitu juga dalam aspek penglibatan pelajar banyak dipengaruhi oleh kemudahan prasarana dan peralatan yang mencukupi mempunyai nilai skor min yang tinggi (min = 3.60). Manakala dalam aspek penglibatan pelajar dipengaruhi oleh perancangan yang berkesan menghasilkan nilai skor min sederhana (min = 2.25).

Aspek penglibatan yang rendah dalam aktiviti kokurikulum disebabkan pelajar mengutamakan pencapaian akademik serta menghadiri tuisyen dan sekolah agama masing-masing berada pada tahap sederhana (min = 2.55; min = 2.45). Nilai skor yang sederhana menunjukkan kedua-dua aspek ini masih mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah. Dapatan ini selaras dengan kajian Mahfol (1999) yang mendapati bahawa penyertaan pelajar yang tidak memuaskan berpunca daripada tanggapan ibubapa tentang pencapaian anak-anak mereka dalam bidang akademik adalah lebih penting berbanding pencapaian dalam bidang kokurikulum dan penglibatan pelajar dapat memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik anak-anak. Dapatan kajian tersebut juga mendapati kurangnya galakan ibubapa terhadap anak-anak terlibat dalam aktiviti kokurikulum disebabkan ibubapa khuatir berkurangnya masa untuk anak-anak mereka menelaah pelajaran dan kemungkinan pergaulan yang bebas dalam kalangan murid. Ali Ismail (2000) mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam

aktiviti kokurikulum tidak memuaskan kerana kebanyakan pelajar, terutamanya pelajar tingkatan 1, 2 dan 3 masih lagi menghadiri kelas agama petang dan tidak dapat menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah.

Jadual 6
Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Faktor Penglibatan Pelajar

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah anda sangat tinggi	3.03	0.80
2.	Tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan dan permainan di sekolah anda sangat tinggi	3.22	0.69
3.	Kebanyakan pelajar menunjukkan komitmen yang tinggi dalam aktiviti kokurikulum di sekolah anda	3.18	0.71
4.	Pelajar yang komited dan berminat dalam aktiviti kokurikulum di sekolah anda menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi	3.77	0.48
5.	Penglibatan pelajar yang tinggi di sekolah anda dipengaruhi oleh kemudahan prasarana dan peralatan yang mencukupi	3.60	0.59
6.	Tahap penglibatan pelajar yang rendah dalam aktiviti kokurikulum disekolah anda disebabkan pelajar menghadiri tuisyen dan sekolah agama	2.45	0.75
7.	Tahap penglibatan pelajar yang rendah dalam aktiviti kokurikulum di sekolah anda disebabkan pelajar lebih mengutamakan pencapaian akademik	2.55	0.81

8.	Tahap penglibatan pelajar yang rendah di sekolah anda dipengaruhi faktor kewangan. Perbelanjaan yang tinggi apabila menyertai aktiviti kokurikulum	2.78	0.77
9.	Tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah anda sangat tinggi	2.25	0.49
Skor Keseluruhan		2.98	0.32

Faktor Penglibatan Guru

Jadual 7 menunjukkan nilai skor min bagi setiap item dan skor min secara keseluruhan bagi faktor penglibatan guru. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor penglibatan guru dalam mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum adalah dalam kategori sederhana iaitu dengan nilai skor min secara keseluruhan 2.45. Item guru-guru menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum telah menghasilkan nilai skor min yang tinggi (min = 3.33). Walau bagaimanapun dalam item guru-guru lebih mengutamakan pencapaian akademik daripada pencapaian kokurikulum dan ia menjadi penghalang guru-guru komited dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum mempunyai nilai skor min sederhana (min = 2.33). Seterusnya dalam aspek guru kurang kemahiran dan pengetahuan dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum item tersebut menghasilkan nilai skor min paling rendah (min = 2.05).

Dapatan kajian ini mengukuhkan dapatan kajian Robiah Sidin (1998) tentang kewujudan guru-guru yang kurang cekap dalam mengendalikan kegiatan kokurikulum serta terdapat ramai guru yang tidak mempunyai kemahiran dalam sesetengah aktiviti kokurikulum. Dapatan ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Wee Eng Hoe (1996) yang mendapati bahawa majoriti guru-guru penasihat yang dilantik untuk memimpin sesebuah persatuan tidak terlatih, tidak berkemahiran dan tidak berpengalaman dalam aspek pengurusan dan pengendalian aktiviti kokurikulum di sekolah. Dapatan kajian Mahfol (1999) juga mendapati bahawa selain kurang pengetahuan dan pengalaman, guru-guru juga tidak menunjukkan minat dalam program atau kegiatan-kegiatan kokurikulum.

Jadual 7
Skor Min Faktor Penglibatan Guru

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Guru-guru sekolah anda menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum	3.33	0.66
2.	Hanya sebahagian sahaja guru-guru yang menunjukkan komitmen dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum	2.30	0.72
3.	Segelintir sahaja guru-guru yang menunjukkan komitmen dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum	2.45	0.81
4.	Guru-guru kurang kemahiran dan pengetahuan dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum	2.05	0.59
5.	Guru-guru lebih mengutamakan pencapaian akademik daripada pencapaian dalam bidang kokurikulum	2.33	0.69
6.	Sekolah lebih mengutamakan pencapaian akademik daripada pencapaian kokurikulum menjadi faktor penghalang guru-guru komited dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum	2.33	0.86
7.	Faktor kemudahan prasarana dan peralatan menjadi penghalang guru-guru komited dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum	2.40	0.55
Skor Keseluruhan		2.45	0.41

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati bahawa faktor pendedahan kursus dan latihan, faktor kemudahan prasarana dan peralatan, faktor sumber kewangan dan faktor sokongan pengetua mempunyai nilai skor min yang tinggi. Ini menunjukkan majoriti Penolong Kanan Kokurikulum di sekolah-sekolah menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor bersetuju bahawa faktor-faktor tersebut sangat mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa walaupun pada tahap sederhana tetapi faktor penglibatan murid dan guru masih mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah.

Bagi memastikan program kokurikulum di sekolah menengah dilaksanakan dengan berkesan dan bermanfaat kepada pelajar, Penolong Kanan Kokurikulum seharusnya menjadi tunjang dan penggerak utama dalam pelaksanaannya. Penolong Kanan Kokurikulum bertanggungjawab untuk memastikan segala perancangan program berjalan dengan lancar dan objektif tercapai. Pengetahuan dan kemahiran Penolong Kanan Kokurikulum perlu sentiasa dipertingkatkan terutamanya dalam aspek pengurusan kokurikulum yang berkemampuan memberi bimbingan, tunjuk ajar, latihan dan galakan berkesan kepada guru-guru bagi membina kecekapan melaksanakan tugas serta meningkatkan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Sehubungan ini, dapatan kajian Ooi Siew Kuan (2005) mendapati terdapatnya rungutan sebahagian besar guru kokurikulum yang menghadapi masalah dalam pengurusan dan pelaksanaan kerana tiada peluang bagi mereka untuk menghadiri kursus peningkatan kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan kokurikulum samada yang dianjurkan di luar sekolah mahupun oleh pihak sekolah. Justeru itu, demi melonjakkan keberkesanan pelaksanaan pengurusan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah sebagaimana yang dihasratkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006), pelaksanaan program-program peningkatan profesional guru khususnya dalam bidang kokurikulum perlu dinilai secara berkala dan berterusan ke arah peningkatan dan pemastian kemanfaatannya kepada murid.

RUJUKAN

- Ali bin Ismail. (1999). Tinjauan Pengurusan dan Pentadbiran Program Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan di sekolah-sekolah menengah Negara Brunei Darulsalam. Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Abdul Kadir. (2007). Faktor-faktor terpilih yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah-sekolah menengah Daerah Hulu Langat, Selangor. Projek Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Kuala Lumpur: KPM
- Laporan Jawatankuasa Kabinet. (1979). *Mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammed Sani Ibrahim. (1998). Perancangan dan strategi pelaksanaan latihan guru-guru Sekolah Bestari. Kertas Kerja Seminar Isu-isu Pendidikan Negara. Universiti Kebangsaan Malaysia. 26-27 November.
- Mahfol Basiron. (1999). Tinjauan pengurusan dan pengelolaan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah-sekolah menengah daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ooi Siew Kuan. (2005). Peranan, Amalan dan Masalah Guru dalam Pengurusan Kokurikulum di sekolah-sekolah menengah. daerah Hulu Langat. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robiah Sidin. (1998). *Pemikiran dalam pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Wee Eng Hoe. (1996). *Gerak Kerja Kokurikulum Sukan*. Kuala Lumpur; Fajar Bakti.
- Wong Song King. (2004). Tahap kompetensi dan masalah Penolong Kanan Kokurikulum dalam Pengurusan Kokurikulum di sekolah. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.